
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**HSM 116 – SEJARAH POLITIK MALAYSIA SEHINGGA AWAL
ABAD KE-20**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A

1. Kemunculan Srivijaya sebagai kuasa dominan di Asia Tenggara sejak kurun ke-7 hingga kurun ke-13 bergantung sepenuhnya kepada hubungan dengan China. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
2. "Melaka berjaya muncul sebagai sebuah pusat perdagangan antarabangsa yang hebat di sepanjang Selat Melaka pada kurun ke-15 adalah kerana meneruskan tradisi yang disusun teguh oleh pendahulunya, Srivijaya." (Barbara Watson & Leonard Y. Andaya). Bincangkan pernyataan ini.
3. Menurut J. M. Gullick, meskipun Negeri-Negeri Melayu tidak sunyi daripada Perang Saudara yang mengakibatkan kacau bilau dalam ekonomi dan kehilangan penduduk namun tidak pernah terjadi perpecahan yang menyeluruh dan tidak seorang pembesar pun pernah berusaha mengangkat dirinya sebagai pemerintah yang merdeka.

Dengan merujuk kepada kes kemunculan **negeri Perlis**, sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?

4. "Pembunuhan Sultan Mahmud pada tahun 1699 menandakan berakhirnya kewujudan kerajaan Johor sebagai kuasa terulung di rantau Melayu." Bincangkan pernyataan ini.

Bahagian B

5. "Keinginan untuk menghapuskan apa yang dianggap sebagai amalan 'feudalisme' merupakan sebab utama yang mendorong campurtangan British di negeri-negeri Melayu pada tahun 1870-an." Sejauh manakah ini benar?
6. Bincangkan kesan Perjanjian Ingeris-Belanda 1824, Perjanjian Low dan Perjanjian Burney (1826) serta penubuhan Negeri-Negeri Selat (1826) kepada kedudukan ekonomi dan politik negeri-negeri Melayu.
7. 'Imperialisme Baru' mendorong kerajaan British meletakkan Brunei, Sarawak dan Borneo Utara di bawah naungannya pada tahun 1888. Bincangkan.
8. Mengapakah sehingga tahun 1941 Sabah diperintah oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara dan bukannya oleh kerajaan British?